



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 4

RABU 28HB JANUARI, 1981.

رابع 22 ربيع الاول 1401

PERCHUMA

SAHAMKAN BONOS YANG DI-TERIMA — S.U.K.

PEKAN TUTONG. — Bayaran bonos kepada pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan ada baik-nya di-sahamkan kepada sharikat2 kerjasama daripada di-belanjakan pada perkara2 yang tidak men-datangkan faedah sa-mata2.

Demikian telah di-sarankan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-majlis beramah khas dengan Peng-hulu2 dan Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang, Daerah Tutong yang telah di-ada-kan di-Bilek Persidangan Pejabat Bandaran di-sini pada hari Sabtu 24hb Januari yang lalu.

Dengan berbuat demik-ian, tegas Yang Berhor-mat itu, ia-nya akan dap-at menambahkan lagi ke-wangan bagi sa-seorang pegawai itu dalam meng-kukuhkan lagi ekonomi keluarga.

Kerajaan kata Yang Berhormat itu telah meng-ornikan bonos kepada pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan-nya ada-lah ber-tujuan untuk menampung serta membantu dan me-rengankan perbelanjaan keluarga2 yang berpenda-patan rendah di-samping untuk mengurangkan be-ban inflasi dewasa ini.

Di-samping itu Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan juga menyeru Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang di-sifatkan beliau sa-bagai indong perlu untuk menasihatkan anak2 buah pada men-sahamkan wang bonos itu

Lihat muka 18

Manis-nya Iman

ABU HURAIRAH (r.a.) menceritakan: "Rasulullah (s.a.w.) bersabda: 'Tahu-lah kamu siapa-kah orang yang mufis (hengklerap)? Sesung-goh-nya orang yang mufis dari kalangan umetku ia-lah orang yang pada hari kiamat membawa pahala amalan sembah-yang, puasa dan zakat se-dang di-dunia sa-belum-nya dia telah memaki hamun orang; menuduh2 orang yang tiada berdosa; memakan harta orang; menumpahkan darah orang dan memukul orang. Lalu di-berikan-lah pahala amalan-nya kepada orang2 itu. Ma-nakala telah habis-lah pa-hala-nya itu sa-belum lagi di-putuskan hukuman ka-atas-nya di-ambil pula dosa masing2 orang itu lalu di-tolakkan kapada-nya dan kemudian dia pun di-tolak ka-neraka.'"

HADITH Nabi riwayat Muslim dan At-Tamimi.

S.U.K. rasmikan Ibusawat Talipon Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah merasmikan pembukaan perkhidmatan Ibusawat Talipon bagi Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di-Pejabat Talikom di-sini pada hari Sabtu 24hb Januari yang lalu.

Ibusawat Talipon yang baru itu mempunyai 1,500 talian khas di-untukkan bagi Pekan Tutong sahaja dan dengan pembukaan ibusawat tersebut tali-pon2 bagi Daerah Tutong kini menjadi lima angka dengan menempatkan bi-langan 21 di-hadapan angka2 yang ada pada masa ini.

Sa-lepas majlis perasmi-an itu, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan kemudian-nya membuat satu panggilan ka-Bandar Seri Begawan, di-ibu negeri dan kemudian-nya Yang Berhormat itu telah di-bawa melawat ka-bebe-rapa bahagian jabatan itu.

Sa-orang juruchakap dari jabatan itu memberi-tahu kepada Pelita Brunei bahawa dalam masa dua tiga bulan lagi Jabatan Talikom akan memasang sa-jumlah 1,000 talian tali-pon lagi yang khas di-untukkan bagi Kampong2 Bukit Sawat, Lamunin dan Telisai serta Penan-jong.

Hadhir sama di-majlis itu, termasuk-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama; Pemangku

Pengarah Talikom, Awang John Gellining, Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, pega-wai2 kanan Talikom serta pegawai2 kanan Kerajaan yang lain termasuk Peng-hulu2 dan Ketua2 Kam-pong.

Pembukaan rasmi ibusawat baru itu di-lakukan dalam rangka lawatan Yang Berhormat Setia Usaha ka-Daerah Tutong.

Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya yang di-iringi oleh Yang Berhor-mat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain telah tiba kira2 pukul 9.00 pagi di-Pejabat

Lihat muka 18



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz membuat panggilan ka-Bandar Seri Begawan sa-telah merasmikan Ibusawat Talipon Daerah Tutong, sambil di-perhatikan oleh Pegawai Daerah Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Barang2 purbakala yg di-jumpai ada-lah milek kerajaan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Muzium Brunei meminta kerja-sama orang ramai supaya melapor dan menyerahkan sa-tiap barang2 purba yang di-jumpai di-mana2 kawasan atau daerah di-negeri ini.

Dalam satu pertemuan dengan Pelita Brunei, Pemangku Timbalan Penga-rah Muzium Brunei, Awg Metussin bin Omar ber-kata, seruan tersebut ada-lah berdasarkan kepada Undang2 Barang2 Purba-

kala dan Harta Terpen-dam Tahun 1967 yang mu-la berkuatkuasa pada 1hb Januari 1967.

Mengikut cераian 37(1) undang2 tersebut, ada-lah menjadi satu kesalahan yang boleh di-jatuhkan hu-kuman kepada sa-siapa sa-haja yang enggan mela-porkan atau menyerahkan atau chuba memberikan keterangan yang palsu ter-hadap barang2 purba yang di-temui.

Undang2 tersebut juga menjelaskan yang di-mak-

sudkan dengan barang2 purbakala itu ia-lah sa-tiap barang yang di-jumpai ber-tarik sa-belum 1hb Janu-ari 1894.

Dalam undang2 itu juga di-nyatakan bermula dari 1hb Januari 1967, sa-tiap barang purbakala yang di-jumpai ada-lah dengan sendiri-nya menjadi harta mutlak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-tan.

Dalam Bahagian II me-nge-nai Penjumpaan, Dan Harta-Benda Zaman Pur-ba undang2 itu menentu-kan bahawa semua ba-rang2 purbakala yang telah di-jumpai (selain dari tanda2 peringatan purba), sama ada terletak di-atas atau tersembunyi di-bawah muka bumi atau di-dalam sebarang sungai atau tasek atau di-dalam laut, akan di-anggap menjadi harta mutlak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Dalam bahagian IX mengenai hukuman2 yang di-tentukan undang2 itu antara lain menggaris-kan: —

1) Sa-siapa orang pun, sa-bagai penjumpa seba-

sementara eksport bernilai sa-banyak \$7,313 juta. Jumlah impot dan eksport dalam tempoh yang sama tahun 1979 masing2 bernilai \$637 juta dan \$4,123 juta.

Eksport yang paling utama bagi tahun itu ia-lah minyak mentah yang bernilai \$4,583 juta. Ini di-ikuti oleh gas chechair asli yang bernilai \$2,191 juta dan hasil simpanan mi-nyak petroleum yang ber-nilai sa-banyak \$433 juta.

Eksport bagi ketiga2 ba-

han tersebut dalam tem-poh sembilan bulan per-tama tahun 1979 masing2 bernilai \$2,769 juta; \$1,104 juta dan \$181 juta.

Di-samping ketiga2 ba-han tersebut, Brunei juga mengeksport sa-chara ke-chil-kechilan getah asli, kulit binatang, papan, lada hitam dan lada puteh.

Menurut perangkaan itu, alat2 jentera dan pe-ngangkutan yang bernilai \$340 juta merupakan im-

Lihat muka 18

Brunei chapai lebehan perdagangan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Brunei telah mendapat kelebihan per-dagangan luar negeri berjumlah \$6,442 juta dalam tempoh sembilan bu-lan pertama tahun 1980 berbanding dengan \$3,486 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1979.

Menurut perangkaan yang di-keluarkan oleh Bahagian Perangkaan Ja-batan Setia Usaha Kerajaan baru2 ini menunjukkan jumlah impot dalam tem-poh itu bernilai \$870 juta

Lihat muka 18



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KEBAJAAN
NEGERI
BRUNEI

28HB JANUARI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

KEPENTINGAN PERSEJARAHAAN

NEGARA

SEJARAH ada-lah mengambil peranan penting dalam mengetahui pertumbuhan, perkembangan dan keadaan sa-sebuah negara dan sa-suatu bangsa itu. Tanpa chatetan2 yang di-buat menurut disiplin penyusunan, ia-nya akan menimbulkan kekabaran dalam mengetahui sejelas2-nya akan kedudukan sejarah negara dan bangsa itu. Di-sini menunjuk-bahkan bahwa ia-nya bukan-lah suatu kerja yang mudah untuk di-laksanakan dan ia-nya akan bertambah sulit lagi jika kerjasama yang di-perlukan ka-arrah ini sukar untuk di-dapati.

Sejarah bangsa dan negara tidak akan dapat meyakinkan jika hanya di-perolehi dari cherita2 lisan atau melalui "tuturan" semata2 kerana biasa-nya tuturan atau cherita2 lisan itu ada yang gagal mengketengahkan fakta2 yang di-perlukan untuk membenarkan cherita2 yang di-timbulkan. Fakta ada-lah mengatasi kelebihhan cherita dari mulut ka-mulut dan fakta2 yang di-dapati berfungsi besar untuk "membenarkan" dan "mentidak-benarkan" persejaraan yang di-cheritakan. Hasil2 tulisan mengenai dengan sejarah sa-suatu bangsa dan sa-sebuah negara itu ada-lah di-antara yang penting untuk mengetahui kedudukan. Akan tetapi tidak-lah semua tulisan2 itu (yang di-tulis oleh orang2 asing) mengenai dengan bangsa dan negara kita dapat di-terima. Sebab banyak di-antara saranan2 yang bertentangan.

Dalam mengusahakan untuk mendapatkan fakta2 yang jelas dan meyakinkan tentang persejaraan negara kita, Muzium Brunei memikul beban yang berat dan menghadapi proses kerja yang panjang. Untuk ini, Muzium Brunei tidak boleh berdiri sendiri tanpa bantuan erat dari orang ramai, terutama raayat dan penduduk negeri ini.

Sesuai dengan fungsi penubuhan-nya, Muzium Brunei ada-lah pelaksana Undang2 Barang2 Purbakala dan Harta Terpendam dan di-kuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1967. Undang2 ini meliputi kepada pemeliharaan kepentingan2 persejaraan dan menentukan kerjasama2 yang di-perlukan dari pihak2 yang tertentu termasuk penghulu2 dan ketua2 kampung dan terutama-nya orang ramai. Yang ketara benar di-perlukan ia-lah sumbangan kerjasama dari orang ramai untuk menyedari bahwa semua barang2 purbakala yang di-jumpai sama ada terletak di-atas atau tersembunyi di-bawah muka bumi atau di-dalam sebarang sungai atau tasek atau di-dalam laut akan di-angap menjadi harta mutlak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Bila di-sebut menjadi harta mutlak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu terhadap barang2 purbakala yang di-sebutkan demikian ada-lah ternyata ia-nya sudah menjadi milekan Kerajaan dan menjadi satu kesalahan di-bawah undang2 itu jika ada yang enggan menyerahkan-nya. Ke-enggan kita itu bukan saja menyalahi undang2 tersebut, malah tidak dapat membantu dengan baik dari segi merakamkan kepentingan persejaraan negara.

Maka itu, sa-bagai sa-buah masyarakat yang mengamalkan semangat bekerjasama itu elok benar ia-nya akan dapat terus di-jadikan pegangan di-samping mengutamakan kepentingan2 negara dan menghormati undang2 serta mempraktikkan ta'at setia kita kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memperkenankan undang2 tersebut.

BEKERJA MEMBELA DAN MEMELIHARA UGAMA ALLAH, SUATU PEKERJAAN YANG MENYUSUR DAN MELAWAN ANGIN

BERIKUT di-muatkan petikan sharahan khas Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, sa-laku wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei sempena Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad, 18hb Januari, 1981 yang baru lalu — Pengarang.

"BERAZAM Mempertahankan Kesuchian Islam" demikian-lah tema sambutan kita pada tahun ini, suatu slogan yang sedap di-dengar, tetapi berat untuk di-lakukan. Dan lebih berat lagi jika perkataan "berazam" itu di-tukar kepada bekerja" atau "berjuang" yang akan menjadikan-nya berbunyi "bekerja atau berjuang mempertahankan kesuchian Islam". Tetapi bagaimana pun, tujuan-nya tidak-lah jauh, chuma melebehi satu tingkat sahaja, seperti firman Allah yang bermaksud: "Jika kamu sudah putus-kan, sudah tetap azam, maka bertawakkal-lah kepada Allah, buat dan laksanakan-lah tugas-mu itu dengan tidak ragu2 dan takut2." Itu-lah perangai dan peribadi muslim yang di-sukai oleh Allah.

Demikian-lah, berazam dan bekerja mempertahankan kesuchian Islam, bukan-lah suatu kerja mudah, tetapi ia menghendaki sikap tuan, pendirian tuan. Dari sikap dan pendirian tuan-lah, baru akan di-nilai siapa-bah tuan yang sa-benar-nya, adakah tuan sa-orang pahlawan atau sa-orang hamba yang pengecut? Adakah tuan sa-orang yang berjiwa besar, atau-kah hanya sa-kadar satu lembaga kosong yang tidak berisi apa2?

Tetapi dengan tegas saya katakan, jika kita ini benar orang beriman, benar orang Islam dan benar orang yang mengaku bertuhan Allah, maka kita-lah sa-benar-nya pahlawan, kesetiaan dan bukan bandet2 yang pengecut. Sebab, dari Nabi s.a.w., membawa-lah kepada para sahabat dan tabien dan ulama2 pada akhir zaman, ada-lah mereka itu sekalian-nya, kaya dengan azam, kaya dengan karya, kaya dengan pengorbanan, pendek-nya seluruh minat dan hidup mereka di-abdikan untuk mempertahankan kemuliaan Islam.

Memang-lah adat laut bergelora, adat kapal dilambong gelombang, begitu-lah dengan kita manusia, tidak lepas dari perchobaan dan rintangan2. Terutama dalam bekerja, membela dan memelihara

ugama Allah, ada-lah suatu pekerjaan yang menyusur dan melawan angin. Ia menghendaki keteguhan dan ketahanan yang bukan alang-kepalang. Para pejuang ugama, para muslimin sejati, ada-lah orang2 yang sanggup menyangsong angin, menyusur arus, bukan orang yang bertabi'at mengikut angin.

Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. ada-lah tauladan yang paling tinggi sekali. Baginda terbokti suatu peribadi yang tidak pernah "tabalurut" mengikut angin, tetapi sa-orang pejuang yang mantap yang sa-lama2-nya bersikap menyusur angin. Di-dalam sejarah, bukan sa-kali dua Baginda itu pernah digugat oleh angin2 yang chuba memisungkan-nya. Dua contoh angin yang jahat itu saya sebutkan di-sini sa-bagai mithal:

Pertama: Pada suatu hari, orang2 Quraish telah sa-pakat mendatangi bapa saudara Nabi, Abu Talib. Mereka berkata: "Wahai Abu Talib, sa-sungguh-nya tuan ada-lah orang tua yang kami muliakan dan hormati. Kami datang sekarang meminta jasa baik tuan, supaya tuan melarang anak saudara tuan itu dari terus menghinakan ugama nenek moyang kami. Demi tuhan berhala, kami tidak sabar lagi dengan penghinaan ini, sa-hingga tuan dapat menghentikan-nya, atau kami sendiri yang akan terpaksa melakukan sa-suatu, sa-hingga salah satu pihak pasti binasa."

Kata2 ini di-sedari oleh Abu Talib sa-bagai ancaman, suatu "kata dua" yang serius. Lalu dengan ketakutan beliau memanggil Nabi Muhammad s.a.w. dan berkata: "Wahai anak-ku! sa-sungguh-nya kaum mu telah mendatangi aku, mereka berkata begitu dan begini (sa-bagaimana kata2 orang Quraish di-atas tadi). Jadi chuba2-lah berfikir untuk keselamatan diri mu dan juga aku, dan jangan-lah aku engkau bebani apa yang aku tidak berupaya."

Mendengar ini, Rasulullah s.a.w. menangis kerana sedih, Baginda menyangka yang bapa saudaranya itu sudah tidak

mahu menyoelahi-nya lagi, tetapi walau pun begitu, walau pun bapa saudaranya itu sudah di-angap tidak sudi bersamasama-nya lagi, tetapi Baginda terus dengan pendirian dan azam-nya yang lama itu juga, tidak sa-kali2 beralah atau berganjak. Bahkan di-tegaskan-nya dengan berani, sebagaimana sabda-nya:

"Wahai bapa saudara ku! Demi Allah, kira-nya pun orang2 Quraish itu meletakkan matahari ditangan kanan ku dan bulan di-tangan kiri ku supaya aku tunduk meninggalkan dakwah ini, maka tidak! Aku tidak akan meninggalkan-nya, sa-hingga-lah Allah menentukan kemenangan, atau pun aku hancor kerana-nya!"

Kedua: Sa-orang bangsawan Quraish yang bernama 'Atbah bin Rabi'ah telah menhadangkan kepada bapa-nya, ia-itu sa-telah Islam-nya Saidina Hamzah bin Abdul Mualib, sa-orang pahlawan besar yang tidak ada tolok banding-nya pada masa itu. Chadangan itu ia-lah: meminta Rasulullah s.a.w. supaya memberhentikan dakwah-nya — kali ini dengan janji — jika Rasulullah bersetuju, mereka akan memberikan upah-nya yang amat besar.

Lalu di-utus-lah 'Atbah mengadap Rasulullah, dan terjadi-lah dialog di-antara 'Atbah dan Baginda, terjemahan-nya: "Wahai Muhammad! Sa-sungguh-nya engkau ada-lah dari kalangan keluarga kami yang mulia serta keturunan ternama. Engkau telah mendatangi kaum mu dengan sa-suatu yang besar, yang dengan-nya engkau pechah-belahkan jemaah mereka, engkau hinakan tuhan2 dan ugama mereka, dan engkau sangkal kebaikan masa lampau bapa2 mereka. Dengar-lah sekarang kepada-ku! Aku ingin sampaikan kepada mu beberapa perkara untuk engkau fikirkan, mudah-mudahan engkau dapat menerima-nya."

Berkata sa-lanjut-nya 'Atbah: "Wahai anak-ku! dengar, dengar-lah! jika sa-benar-nya engkau mengingini akan harta sa-bagai tukaran dari apa

yang engkau lakukan ini, maka kami akan kumpolan segala harta2 kami yang ada untuk engkau, sa-hingga jadi-lah engkau orang yang paling kaya di-antara kami. Atau jika bukan ini yang engkau mahu, tetapi engkau berkehendakkan kemuliaan, maka itu pun kami sanggup memberikan-nya kepada mu. Atau jika ini pun engkau tidak mahu, tetapi engkau berkehendakkan supaya kami jadikan engkau raja, maka kami akan angkat dan jadikan engkau raja."

Tetapi hasil-nya bagaimana? Ada-kah Rasulullah s.a.w. "tabalurut" atau orang yang mahu main angin dengan Baginda itu yang tabalurut? Kali ini Rasulullah tidak menjawab-nya dengan bahasa biasa, tetapi Baginda membacakan ayat2 dari surah Fussilat, yang antara lain isi-nya menerangkan pendirian Nabi serta keadaan orang2 yang tuli dan buta hati, yang menyangkal kebenaran ajaran2 Islam.

Di-ringkaskan riwayat, mendengar ayat2 itu di-bacakan oleh Nabi, lalu 'Atbah bin Rabi'ah menjadi lemah, sedikit demi sedikit beransur tewas, dan akhir-nya terpusing kebelakang, dari menyangkal dan mendustakan, kepada akur dan membenarkan Nabi s.a.w.

Demikian-lah satu lintasan tawarikh Islam, yang menerangkan dua jenis perchobaan untuk merubuhkan aqedah Islam dengan suatu julukan supaya Nabi berpusing kebelakang mengikut angin.

Masa itu, masa permulaan Islam, jumlah orang2 Islam maseh belum ramai lagi. Sa-takat peristiwa 'Atbah bin Rabi'ah itu, hanya baharu Saidina Hamzah sa-orang sahaja yang masuk Islam di-antara pahlawan2 Quraish. Erti-nya, jika Nabi kurang tegoh, maka sudah barang tentu Baginda akan "tabalurut" oleh angin2 ancaman dan hasutan tersebut.

Tetapi sa-benar-nya, apa yang ada pada Nabi dan orang2 Islam pada ketika itu, ia-lah rahsia keimanan yang kuat terhadap Kor'an, terhadap ajaran2 Islam yang suci, mereka perchaya pada janji Allah, yang terdapat di-dalam Al-Kor'an, seperti firman-Nya yang bermaksud:



Awg Haji Abdul Aziz

Anggota2 AMDB di-seru:

JIWAI SEMANGAT KEPERWIRAAN NABI MUHAMMAD s.a.w.



YDM Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Haji Musa.

AMDB anjor sambutan Maulud

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Madrasah Berakas Garrison itu pada malam Jumaat yang lalu.

Tetamu khas di-majlis itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin yang juga telah menyampaikan satu ceramah khas mengenai dengan akhlak sebagai pakaian hidup manusia yang paling penting.

Terdahulu dari itu, satu ucapan alu2an oleh Yang Dimuliakan Pehin Dato Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Haji Musa bin Haji Yaakub sa-laku wakil peribadi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kolonel Haji Mohammad bin Haji Daud.

Kira2 500 orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah hadir di-majlis itu. Majlis tersebut telah di-dahului dengan bacaan Al-Kor'an oleh Ustaz Mustapha bin Murad. Sementara bagi memeriahkan majlis itu tidak ketinggalan dengan persembahan zikir Maulud beramai2.

Antara yang hadir di-majlis itu termasuklah Pengawal Imigresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan, Dato Paduka Abidin bin Abdul Rashid, Pegawai Keanggotaan Pasokan, Yang Dimuliakan Kolonel Pehin Dato Indera Setia Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit, Yang Dimuliakan Lt. Kolonel Pehin Orang Kaya Dato Indera Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Abdullah, pegawai2 kanan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, ketua2 jabatan kerajaan dan anggota2 pasokan keselamatan.

BERAKAS. — Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Major Haji Musa menggesa anggota2 pasokan bersenjata negeri ini supaya menjwai semangat keperwiraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, di-mana Baginda merupakan pahlawan Islam yang teragong dalam sejarah-nya.

Ketika berucap di-majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang di-adakan di-Madrasah Berakas Garrison di-sini pada 22hb Januari lalu, Yang Dimuliakan Pehin berkata, tidak ada jihad yang paling utama sa-lain daripada perjuangan untuk mendaulatkan Raja, negara, ugama dan bangsa.

Masyarakat dan negara memandang tinggi perkhidmatan tentera. Malah katanya, ugama Islam menempatkan perjuangan mereka sa-laras dengan jihad orang2 Suhada.

"Untuk menjadi anggota keselamatan yang berkesan dan berjaya seperti mana tentera Islam di-zaman Rasulullah yang diberkati oleh Allah s.w.t. maka anggota keselamatan hendaklah sentiasa mengamalkan dan berpandukan kitab suci Al-Kor'an, hadith serta mempunyai sifat2 yang terpuji yang berasaskan keIslaman yang di-tunjokkan oleh junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w.," tegas Yang Dimuliakan Pehin Dato Maharaja Lela Dato Major Haji Musa.

"Ini adalah di-sebabkan tugas dan tanggung-jawab kita berdasarkan kepada hukum2 Islam dan sunnah Rasul sa-bagai mana yang di-harap2kan oleh semua pihak."

Sa-bagai anggota yang bertanggung-jawab terhadap keselamatan dan keamanan negeri ini, mereka juga telah di-ingatkan supaya berwaspada dan menjauhkan diri dari ajaran2 yang terkutuk dan sesat, kerana perkara itu bukan saja bertentangan dengan ajaran2 Islam tetapi amat membahayakan kepada mereka sa-bagai anggota keselamatan.

Menyentuh dengan bidang pertahanan negeri ini, Yang Dimuliakan Pehin perchaya, perkembangan pesat Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-ranchangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak di-ragukan bahawa pasokan ada-lah sa-buah angkatan pertahanan negara yang lengkap, cekap, chekal dan utama untuk masa ini dan masa akan datang.

Walau bagaimana pun, tegas-nya lagi, yang amat penting mereka mesti-lah mengekalkan imej pasokan dengan patoh kepada undang2 dan sentiasa mengamalkan disiplin yang berdasarkan kepada hukum2 Islam dan sunnah Rasul sa-bagai mana yang di-harap2kan oleh semua pihak.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, anggota angkatan bersenjata di-negeri ini sangat bernasib baik jika di-bandingkan dengan lain2 angkatan bersenjata di-rantau ini.

Kerana kata-nya, di-samping menerima gaji dan alaan yang lumayan, sharat2 perkhidmatan yang memuaskan, mereka juga mendapat bantuan pelajaran dan kursus yang meluas.

Ini, jelas-nya, anggota pasokan keselamatan telah di-ketengahkan di-khalayak umum sa-bagai satu lapisan masyarakat yang istimewa dan mendapat perhatian oleh pihak yang berkuasa.

Pendaftaran kelas dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi memasuki kelas2 dewasa bagi Darjah Enam dan Tingkatan Empat dalam aliran Inggeris di-Sekolah Melayu Datu Gandhi telah di-buka sa-hingga hujung bulan ini.

Mereka yang berhajat boleh mendaftar kepada Penyelia Sekolah tersebut semasa ia-nya di-buka.

RBA, MAS adakan penerbangan tambahan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk memenohi kehendak orang ramai semasa musim Tahun Baru China, Diraja Brunei dan Sistem Penerbangan Malaysia, akan menambah penerbangan2-nya ka-Kota Kinabalu dan Kuching.

Diraja Brunei akan mengendalikan satu penerbangan dua hala tambahan ka-Kuching pada hari Jumaat ini jam 1.00 tengah hari.

MAS pula akan membuat tiga penerbangan dua hala tambahan ka-Kuching pada hari Khamis, dan pada 2hb dan

10hb depan yang mana penerbangan-nya ia-lah pukul 10.00 malam.

Di-samping itu sharikat penerbangan tersebut juga akan melakukan satu penerbangan dua hala tambahan ka-Kota Kinabalu pada 3hb depan yang membuat penerbangan pada pukul 10.10 malam.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain ketika menyampaikan sharahan khas di-majlis sambutan Maulud di-Madrasah AMDB sementara gambar bawah pula persembahan Zikir Maulud sa-bagai salah satu acara pada malam itu.



Harga barang2 keperluan harian

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah bermula dari 22hb Januari 1981.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. PUSU KERING — \$4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Gee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
c) Hong Soon, No. 6, Jalan McArthur.
d) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
e) Ming Thye Company, No. 32, Jalan Sultan.

3. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
c) Yun Seng Trading, No. 84, Jalan Bunga Raya.
d) Chop Kim Ming, Bangunan Foo Chow.
e) S. S. Sa'diah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.

SERIA

1. PUSU KERING — \$4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
3. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Soon Kheng, No. 50, Jalan Bunga Kuning.
b) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
c) Siong Huat, No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
c) Siong Huat, No. 1, Jalan Bunga Kemantin.

KUALA BELAIT

1. PUSU KERING — \$4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
Yun Seng Trading, No. 84, Jalan Bunga Raya.

Sa-orang lagi pegawai kanan di-tempatkan di-Pejabat Wakil K'jaan di-London

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-orang lagi pegawai kanan kerajaan telah di-tempatkan di-pejabat wakil Kerajaan Brunei di-London, sebagai Pegawai Pengambil-an.

Beliau ia-lah Awang Haji Jaya bin Abdul Latif. Awang Haji Jaya dan keluarga-nya telah pun bertolak ka-London pada hari Khamis, 22hb. Januari lalu. Beliau akan berkhidmat di-sana selama 2 tahun.

Ketika di-London, Awg. Haji Jaya akan mengambil alih tugas2 mengenai dengan pengambilan pegawai2 luar negeri untuk bertugas dengan Kerajaan Brunei, ia-itu satu tugas yang sa-lama ini di-kendalikan oleh pihak Crown Agents, London.

Sa-lain dari itu, beliau juga di-tugaskan bagi mentadbir perkara2 yang bersangkutan-paut dengan pegawai2 yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan di-United Kingdom.

Awang Haji Jaya adalah bekas Timbalan Pengarah Perjawatan. Sa-belum itu, beliau telah memegang beberapa jawatan di-Jabatan2 Kerajaan, termasuk bertugas sa-bagai Pegawai Pentadbir, Penolong Pegawai Daerah, Pegawai Latihan di-Jabatan Perjawatan dan Ketua Yunit Latihan.

Sejak berkhidmat dengan Kerajaan, Awang Haji Jaya telah banyak kali mengikuti latihan2 dan kursus2 seberang laut, seperti di-Hague, London, Amerika, Tokyo, Manila dan Sydney. Disamping itu, beliau juga telah menghadiri beberapa Persidangan dan Seminar antarabangsa, antara-nya di-adakan di-

Kuala Lumpur, Jerman Barat, Singapura, Belgium, New Zealand dan Taiwan.

Beliau juga ada-lah ahli kepada tiga Badan Profeshenal, itu-itu Member Institute of Training Officer, London (MITO), Executive Council American Institute of Management (AIM), dan Fellow British Institute of Management (FBIM).



AWANG Haji Jaya beserta keluarga-nya sa-jurus sa-belum bertolak ka-London pada hari Khamis minggu lalu.

Kursus suai-kenal bagi pegawai2 Gurkha



KELIHATAN rombongan menerima penerangan daripada salah sa-orang pegawai di-Seria Terminal di-bilik pengendalian. Di-sini-lah kerja2 penyaloran minyak mentah yang telah di-pisahkan daripada segala kekotoran di-salurkan ka-kapal2 di-luar pantai melalui saluran2 dengan bersistematis.

PEMBETULAN

PERADUAN deklamasi sajak anjuran Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan di-langsungkan pada hari Ahad bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini pada hari Ahad 1hb Februari mulai jam 7.30 malam dan bukannya pada hari Khamis 5hb Februari seperti yang tersiar dalam keluaran Pelita Brunei pada 21hb Januari, 1981.

Sambutan Maulud terus di-adakan di-sana sini

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Satu majlis bagi merayakan Maulud akan di-adakan bertempat di-dewan Jabatan Penjara, Jerudong pada hari Sabtu (malam Ahad) 31hb. Januari ini mulai jam 7.30 malam.

Majlis itu yang di-anjurkan oleh pelajar2 kelas Kor'an dari Jabatan2 Penjara, Perikanan, JKR Bahagian Bangunan, Kampong Sungai Besar dan Kampong Buloh akan diserikan dengan berbagai acara termasuk cheramah yang bertajuk 'Fadhilat Membanyakkan Salawat'

yang akan di-sampaikan oleh Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashor, persembahan berzanzi dan marhaban.

Sementara itu Persatuan Belia Kampong Sungai Besar (PBKSB) pula akan menganjurkan peraduan sharahan yang hanya terbuka bagi peserta2 dari kampong2 di-sa-panjang Jalan Kota Batu.

Peraduan itu akan di-adakan pada 5hb. Februari ini bermula jam 7.30 malam bertempat di-dewan SM. Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar.

Lihat muka 18

Penyerahan anak kunchi

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan telah menyampaikan anak kunchi sa-buah rumah baru bagi Awang Hassan bin Saidi, yang mana rumah beliau telah musnah di-jilat api pada bulan Ogos tahun lalu di-Kampong Setia, di-Kampong Ayer.

Rumah baru itu di-bena oleh penduduk2 kampung sendiri dari hasil kutipan derma penduduk2 kampung dan juga sumbangan dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Penyerahan anak kunchi itu telah di-langsungkan di-Rumah Penghulu Mukim Sungai Kebun, Pateh Haji Masri bin Ismail di-Kampong Setia di-sini pada hari Khamis 22hb. Januari yang lalu.

Peraduan menembak antara yunit

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, hari ini akan memulakan Peraduan Menembak Antara Yunit bagi tahun 1981, bertempat di-Padang Tembak Binturan di-Daerah Tutong.

Peraduan sa-lama sapuluh hari itu di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu bahagian Major Yunit, bahagian Minor Yunit dan bahagian terbuka. Pasokan tersebut juga akan mengundang Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Battalion 2/2 Gurkha Rifle untuk mengambil bahagian dalam perlawanan terbuka.

Bahagian Major Yunit akan terdiri dari Battalion Pertama, Battalion Kedua, Angkatan Laut dan Kompeni Pentadbir Markas, sementara bahagian Minor Yunit akan mengandungi Pasokan Pusat Latihan, Chawangan Udara, Pasokan Skuadran Perisai Peninjau, Pasokan Skuadran Jurutera, Pasokan Skuadran Perahu Khas dan Pasokan Bengkel AMDB.

Dalam bahagian terbuka, ia-nya terdiri dari Pasokan Battalion Pertama, Battalion Kedua Pasokan Pulis Diraja Brunei, Pasokan 2/2 Gurkha Rifle dan Yunit yang lain dalam pasokan AMDB.

Perlawanan Menembak Antara Yunit akan berakhir pada 6hb. Februari depan, dengan satu upacara penyampaian hadiah oleh Pemerintah Pasokan, Awang Brigadier E.D. Cameron.

SERIA. — Sa-rombongan 23 orang pegawai Gurkha yang di-tempatkan di-sini telah menjadi tetamu kepada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad minggu lalu.

Para pegawai tersebut mengikuti kursus suai-kenal sa-lama tiga hari yang di-kendalikan oleh Shell dan telah berakhir pada hari Jumaat lalu.

Di-hari pertama kursus tersebut berjalan, mereka telah menerima penerangan2 yang bersangkutan dengan pertubuhan Sharikat Minyak Shell di-Brunei, chari-gali minyak dan banyak lagi topik yang lain serta menyaksikan satu filem yang bertajuk "Oil Well."

Penerangan2 lanjut berkenaan dengan fungsi loji memproses di-Seria telah di-bagikan oleh Awang Mohaimmin Latiff, salah sa-orang pegawai sharikat apabila rombongan di-bawa melawat ka-loji yang terletak kira2 sa-tengah batu dari Pekan Seria itu.

Rombongan tersebut kemudian di-bawa ka-Seria Terminal di-mana mereka telah berkesempatan meninjau kegiatan2 Shell dalam kerja2 penapisan minyak mentah dan seterusnya menyalurkan penghasilan ka-tanker2 yang terletak di-luar pantai.

Di-sebelah petang-nya pula rombongan tersebut telah di-bawa ka-pelantar2 Tenaga, CP-7, dan Sedco-E di-padang Champion untuk membolehkan mereka menerima gambaran dekat tentang penghasilan minyak luar pantai.

Di-hari akhir kursus ka-semua 23 orang peserta telah melawat Pusat Latihan Teknikal Shell dan ka-Loji Chechar Gas Asli di-Lumut dan seterusnya menerima penerangan2 berkenaan dengan kakitangan, kewangan serta uruskerja sharikat.



PARA peserta kursus mendengar penerangan Awang Mohaimmin Latiff sa-masa peserta2 kursus melawat Loji Memproses di-Seria.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 28HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ANIMAL WORLD — "Ocelot"
- 5.30 THE NEW SHMOO
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS
- 6.30 DR WHO — "The Pirate Planet" Ep. 4
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 DR WHO — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS — "No More Mr. Nice Guy" Bhg. 2.
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 DALLAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 THE WAR YEARS — Episod terakhir dalam siri ini.
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR TV: "Valley of the Kings" Pelakon2: Robert Taylor, Eleanor Parker, Carlton Thompson, Kurt Kaznar, Samia Gamal.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 29HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 TOM AND JERRY
- 6.30 THE TOMORROW PEOPLE — "The Vanishing Earth" Bhg. 2
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BEULAH LAND
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 BEULAH LAND — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PERTANDINGAN POLO ANTARABANGSA
- 8.45 CHERAMAH MAULUD
- 8.55 HIDAYAT
- 9.25 DUNIA MINGGU INI
- 9.55 WKRP IN CINCINNATI — "Herb's Dad" Ayah Herb telah singgah di-stesben WKRP dalam perjalanan-nya ka-Las Vegas.
- 10.25 FROM HERE TO ETERNITY — "Images"
- 11.15 BIG VALLEY
- 12.05 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 30HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SONG BOOK
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chimpmates"
- 5.30 SCOOPY DOO AND SCRAPPY DOO — Scooby Doo meneruskan tugas penyiasatan-nya dengan anak kemanakan-nya, Scrappy Doo
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 BIGFOOT AND WILDBOY — "The Other Big Foot"
- 6.30 BARRIERS — Siri baru menampilkan kisah sa-orang pemuda belasan tahun mencari ibu bapa-nya di-samping untuk memahami akan latar-belakang diri-nya sendiri. Penggambaran ini membawa-nya ka-liku2 intrig dan bahaya.
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 BARRIERS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MONTE CARLO SHOW
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 THE MONTE CARLO SHOW — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PERTANDINGAN POLO ANTARABANGSA
- 8.45 CHERAMAH MAULUD
- 8.55 ZAINI DAN GILLEN SHOW
- 9.25 SOAP — Ep. 6 Corrine keluar dari rumah Tate. Burt memberitahu ketibaan anak-nya Chuck, dan Danny mempunyai kesempatan terakhir untuk meng-ganyang Burt.
- 9.55 THE GOLDEN CUP
- 11.30 HAWAII FIVE 'O' — "To Die in Paradise" Ketika sedang berchutian di-Hawaii sa-orang penyanyi wanita yang mash-hor telah di-cholek dan tebusan \$500,000 telah di-minta.
- 12.20 SIARAN TAMAT.

SABTU - 31HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
- 6.30 BEWITCHED — "Samantha's Old Man" Kerana sedikit perselisihan dengan Endora maka Darrin pun menjadi sa-orang tua.
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 BEWITCHED — sambongan



BENEDICT Taylor sa-bagai Billy Stanyon (kiri) menerima satu kotak peninggalan orang2 tua-nya dari penjaga-nya Paul Rogers (sa-bagai Peguam Vincent Whitaker). Kotak ini mengandongi surat2 menyebabkan Billy mencari mereka — sama ada masih hidup atau sudah mati — di-samping keinginan-nya untuk memahami tentang diri-nya yang sebenar. Siaran siri baru BARRIERS ini akan di-mulakan pada hari Jumaat jam 6.30 petang.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FOUNDATION
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 THE FOUNDATION — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PERTANDINGAN POLO ANTARABANGSA
- 8.45 CHERAMAH MAULUD
- 8.55 MAJALLAH BRUNEI
- 9.25 MARI MEMASAK
- 9.55 TAYANGAN FILEM MELAYU — (SB): "Mata Hari" Pelakon2: Maria Menado, Ahmad Mahmud, Salleh Kamil, Jins Shamsuddin, Aziz Jaafar.
- 11.45 CITIES: GLENN GOULD'S "TORONTO" — Pemain piano Kanada yang termash-hor, Glenn Gould akan membawa penonton semua mengenal bandaraya di-mana dia di-lahir dan di-besarkan, Toronto.
- 12.35 SIARAN TAMAT.

AHAD - 1HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HOW
- 5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN "Super" hero ini akan dapat di-saksikan di-kacha TV awda mulai minggu ini.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 CHILDREN'S FEATURES — "Hoverbug"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 CHILDREN'S FEATURE — sambongan
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 THE DUKES OF HAZZARD
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE DUKES OF HAZZARD — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 GEORGE AND MILDRED — "Just The Job"
- 9.05 INI-LAH LAGU KU
- 9.30 BACKSTAIRS AT THE WHITE-HOUSE
- 10.20 ARMCHAIR THRILLER — "A Dog's Ransom" Bhg. 6
- 10.50 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 2HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

MALAM

- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SUPER 7
- 5.30 WORZEL GUMMIDGE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 HERE'S BOOMER — "George and Emma" Dengan tindak tandok Boomer dua orang tua yang hampir di-usir dari tempat kediaman mereka menjadi kawan baik tinggal bersama di-antara tempat kediaman mereka.
- 6.30 JASON OF STAR COMMAND
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 JASON OF STAR COMMAND — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VEGAS
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 VEGAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 THE ROAD TO WEMBLEY
- 9.50 LIFE ON EARTH
- 10.40 PATROL BOAT — Apabila ternampak sa-buah kapal kecil membawa pelarian Vietnam, semua anak2 buah kapal Ambush ingin menolong mereka. Pesakit2 telah diberikan rawatan walau pun tidak ada di-antara mereka yang mempunyai kepakaran perubatan.
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SELASA - 3HB FEB.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
- 5.30 THE SHARI SHOW
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 GRANGE HILL
- 6.30 THE JACKSONS
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 THE JACKSONS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 LOVE BOAT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ARENA SOKAN
- 9.10 TAYANGAN GAMBAR — "In Search of Gregory" Pelakon2: Julie Christie, John Hunt, Michael Sarrazin, Paola Pitagora, Adolfo Celi.
- 11.10 BILLY BIAR
- 11.40 SIARAN TAMAT.



SALAH satu adigan dalam "Valley of the Kings" pada malam ini jam 10.05 malam.

BINTANG KECHIL 1981 BERMULA MACH DEPAN

DALAM usaha Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei untuk mencari bakat kanak2 di bidang seni suara, musim Pertandingan Bintang Kechil Radio 1981 bagi kali yang ke-4, akan bermula pada minggu pertama bulan Mach, 1981 dan pertandingan akhir akan diadakan dalam pertengahan bulan Jun 1981 yang akan datang.

Bahagian Melayu Radio

Brunei yang menganjurkan pertandingan tersebut dengan ini mengumumkan kepada semua kanak2 yang berminat dalam pertandingan ini supaya mendapatkan borang2 memsoki pertandingan dari sekarang yang akan ditutup pada 8hb. Februari, 1981.

Pertandingan ini terbuka kepada semua kanak2 Warga Negara Brunei yang berumur antara 7

tahun hingga 12 tahun sahingga 30hb. Jun, 1981.

Peserta2 diwajibkan membawakan lagu2 kanak-kanak yang sesuai dan lagu2 yang lain yang BUKAN berunsur cinta asmara. Bagi peringkat pemilihan awal peserta2 akan dikehendaki membawakan satu lagu pilihan daripada 6 buah lagu yang di-sediakan oleh pihak penganjur.

Pemilihan peringkat

awal akan di-adakan di-tempat2 yang berikut:

a) Di-Studio A — Radio Talivishen Brunei, Bandar Seri Begawan, bagi peserta2 Daerah Brunei/Muara.

b) Di-Studio Kuala Belait — bagi peserta2 daerah Belait.

c) Di-Pekan Tutong — bagi peserta2 Daerah Tutong.

d) Di-Pekan Bangar Temburong — bagi peserta2 Daerah Temburong.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati sekarang dari:

Bilek Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei, di-tingkat lima atau di-tempat penyambut tetamu — Bangunan Radio Talivishen Brunei.

Pengiran Tajuddin bin Pg. Haji Metassan di-Studio Radio Brunei — Kuala Belait.

Awang Haji Ahim Haji Ibrahim, di-Bahagian Pe-

nerangan Pejabat Setiausaha Kerajaan — Pekan Tutong dan Di-Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan di-Pekan Bangar — Temburong.

Semua borang2 permohonan hendaklah di-kembalikan kepada Penerbit Pertandingan Bintang Kechil Radio 1981, Bahagian Melayu Radio Brunei, Tingkat Lima, Bangunan RTB, tidak lewat dari 8hb. Februari, 1981.



GAMBAR kelihatan, sa-bahagian peserta2 kanak2 BINTANG KECHIL RADIO tahun lalu.



KELIHATAN sa-bahagian daripada rakan adek2 m. Adek2 kita begitu asheh sekali mendengarkan cerita dan Kakak Rosinah bte Rosli. Rancangan ini akan pagi dan hari Rabu jam 11.00 pagi.


RANCHANGAN TVP DARI 2HB HINGGA 8HB FEB.

ISNIN — 2HB FEB


PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 3
Dalam ranchangan ini Izat mengajar Jay Jay erti perkataan2 'Our box' dan 'Friend'. Di-Magic Pool mereka nampak perkataan2 yang bermula dengan huruf 'C'. Bila Izat dan Jay Jay balek ka-Our Place Gani sedang menunggu mereka untuk menyanyi lagu 'Chocolate, Candy and Cake'.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Akar)
Ranchangan ini mengenalkan dua jenis akar utama. Apa-kah akar utama ini? Mengapa akar mustahak bagi pokok? Apa tugas2 akar? Untuk mengetahui jawapan2 bagi soalan di-atas, ikuti-lah ranchangan ini.



Gambarajah 1 (Akar Tunjang)



Gambarajah 2 (Akar Serabut)

10.30 KAP KAP UDANG 273

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

KERJA TANGAN kali ini Che'gu Rokiah akan membuat tempat menyimpan pensil atau benda2 yang lain. Ruangan BERCHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita darihial 'Gambang Dan Gambu'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 273.

SELASA — 3HB FEB

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 3

9.20 SIARAN ULANGAN SAIN UNTUK DARJAH 4 (Akar)

10.30 KAP KAP UDANG 274

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, AMINAH, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI. HALAMAN MENGAJAR pula Che'gu Rokiah akan bercherita darihial buku.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 274.

RABU — 4HB FEB

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 3

9.20 SIARAN ULANGAN SAIN UNTUK DARJAH 4 (Akar)

10.30 KAP KAP UDANG 275

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMINAH, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI. HALAMAN BERCHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita darihial 'Si-Hijau'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 275.

KHAMIS — 5HB FEB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 276.

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN MUSIK, LUKISAN DARI RUMAH, MAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, KAJIAN SAMULA JADI dan CHERMIN SAKTI. Dalam ruangan kajian sa-mula jadi pula Che'gu Rokiah akan menunjokkan binatang2 yang membiak daripada telur.

JUMAAT — 6HB FEB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti KETUA KESELAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, AMIN, BOLA TUMBOK, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI. CHERITA hari ini ia-lah anak yang rajin.

SABTU — 7HB FEB

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 277

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN KERUSI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI. RUANGAN CHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita darihial 'Arnab lumba lari dengan kura2'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 277.

AHAD — 8HB FEB

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM, CHERITA dan CHERMIN SAKTI. Hari ini CHERITA Che'gu Rokiah bertajok 'Titisan Ayer Mata Duyong'.

Siri baru TV



GEORGE Reeves sa-bagai sa-orang pemberita surti akan di-siarkan pada hari Ahad akan datang jam 5.

PEMBENAAN SA-BAUH JAMBATAN UNTOK SA-ORANG BUTA

PANCHOR MURAI. — Sa-buah jambatan telah di-bena bagi kemudahan Awang Abd. Ghani bin Haji Garif dan keluarganya.

Pembinaan jambatan yang menghubungkan jalan raya dan rumah kediaman Awg. Abdul Ghani, yang terletak di-Kampung Panchor Murai di-Daerah Brunei-Muara, di-biayai oleh Awg. Haji Abang Yusof bin Haji Rahman memileki sa-buah Kilang Papan di-Kampung Lamunin di-Daerah Tutong.

Di-samping itu, beliau juga telah membena sa-buah bilek mandi bagi keluarga tersebut. Jambatan tersebut telah di-serahkan kepada Awg. Abd Ghani pada minggu lalu.


Di-tanya mengenai sumbangan yang di-berikan, Awang Haji Abang Yusof yang mempunyai perusahaan sendiri menjelaskan, "Saya membena jambatan ini atas sukarela saya sendiri, dan saya memang berazam untuk menolong dan memberi bantuan kepada orang2 yang kurang bernasib baik."

Awang Abd. Ghani ada-lah sa-orang buta, mempunyai isteri dan sa-orang anak perempuan yang berusia dua tahun. Kerja2 membuat bakul ada-lah merupakan kerja harian yang beliau lakukan.

Beliau dan keluarga merasa amat gembira atas sumbangan yang di-berikan dan menguchapkan terima kasih atas perhatian orang2 awam terhadap mereka.

Bantuan tersebut ada-lah merupakan bantuan yang pertama bersempena dengan Sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 chachat Sa-Dunia.

Hadhir di-majlis penyerahan pada 21hb. Januari lalu itu ia-lah Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pegawai Kebajikan, Dgg. Zaliha bte Haji Mohiddin dan Awang Haji Abang Yusof dan pekerja2 yang lain.



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein berbual-bual dengan Awang Abdul Ghani (no 2 dari kiri) dan Awang Haji Abang Yusof (kiri) di-atas jambatan yang di-serahkan itu.

Ibusawat Talipon baru bagi pelanggan Barat Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-buah Ibusawat Talipon yang baru telah siap di-bena bagi keperluan pelanggan di-Bahagian Barat Bandar Seri Begawan.

Penggunaan ibusawat yang mempunyai kelengkapan peralatan letronik itu akan di-laksanakan sepenuhnya pada 31hb. Januari, 1981 mulai jam 11.30 pagi.

Peralehan tersebut akan melibatkan sa-tiap talian talipon yang lama di-tukar kepada Ibusawat yang baru dengan menggunakan ubah kerja yang tertentu supaya peralehan akan berjalan sa-rentak atau serta merta, bagi mengelakkan gangguan kepada perkhidmatan talipon di-kawasan Barat Bandar Seri Begawan.

Untuk tujuan tersebut, pelanggan2 di-Bahagian Barat, yang mempunyai nombor talipon 51 ada-lah di-harapkan supaya tidak

akan membuat sa-barang panggilan di-dalam beberapa minit sa-belum dan juga sesudah jam 11.30 pagi pada hari tersebut.

Mulai hari tersebut, pelanggan di-Bahagian Barat Bandar Seri Begawan akan mempunyai kemudahan2 panggilan terus Antarabangsa atau International Direct Dialling (IDD). Bagi pelanggan2 perseorangan yang ingin menggunakan kemudahan2 tersebut, wang chagaran sa-banyak \$500.00 ada-lah di-perlukan. Semua permohonan2 bagi mendapatkan kemudahan2 IDD hendak-lah di-alamatkan kepada pengurus Talipon Kawasan Timor di-Bandar Seri Begawan.

Pelanggan2 yang telah berhasrat untuk menggunakan kemudahan sa-demi-kan, boleh-lah juga membuat panggilan2 Antarabangsa melalui Taliponis2.

Pertandingan membacha Al-Koran anjonan Kelas Dewasa Koran Lelaki MUFAKAT Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pelajar2 Kelas Dewasa Kor'an Lelaki Mufakat Pekan Belait akan meng-anjorkan Pertandingan Membacha Al-Kor'an bersempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi tahun ini.

Pertandingan tersebut akan di-adakan pada 12hb Februari bertempat di-Dewan Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait mulai jam 7.00 malam.

Pertandingan kali ketiga ini hanya terbuka kepada pelajar2 Kelas Dewasa Kor'an di-Daerah Belait sahaja dan mesti-lah ke-

las2 yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Johan qari dan qariah dalam pertandingan tersebut akan menerima pi-la2 pusingan yang di-hadiahkan oleh Abdul Samad dan Anak2 Setia.

Keterangan2 lanjut dan borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Pengerusi Pertandingan, Awang Ismail bin Apeng, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kuala Belait dan Awang Mohd Walli bin Awang Hassan, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

Penyertaan akan ditutup pada hari Khamis 29hb Januari 1981.

Kampung Kiarong adakan sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Penduduk2 Kampung Kiarong di-sini akan mengadakan sambutan Maulud yang akan di-langsungkan pada 5hb Februari depan bertempat di-Balai Raya Kampung tersebut mulai jam 2.00 petang.

Sambutan tersebut di-jangka akan di-hadiri oleh Pegawai Daerah Brunei Muara Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar selaku tetamu khas.

Antara acara2 yang akan di-adakan di-sambutan itu nanti termasuklah persembahan bachean Al-Kor'an, Zikir Maulud dan satu sharahan Khas oleh Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Lambang baru Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Negeri Brunei kini mempunyai lambang-nya yang baru, di-mana sa-belum itu hanya menggunakan panji2 sa-bagai lambang jabatan-nya. Lambang baru tersebut ia-lah hasil lukisan Awang Mohammad Nor-ariffin sa-orang Pereka Grafik dari Jabatan Radio Talivishen Brunei.

Penggunaan lambang

tersebut pada peti2 surat dan kenderaan2 pos seluruh negeri telah bermula pada 18hb Januari lalu. Ia-itu bersamaan dengan 12hb Rabe'il Awal 1401 Hijrah sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam bagi mengambil sukut ba'k hari itu.

Sementara itu, penggunaan pada 'Letter Head', menurut Ketua Pos Agong, Pengiran Ja-

ludin bin Pengiran Mohd. Limbang, ia-nya merupakan pengenalan penting bagi jabatan itu. Di-samping itu penggunaan pada pakaian seragam posmen yang berbentuk lenchana termasuk pada 'scafe', kata-nya, telah pun di-gunakan sa-belum penggunaan rasmi pada peti2 surat dan kenderaan2 pos.

Pada masa2 tertentu, lambang tersebut jelas-nya, pernah di-gunakan pada geibang2 yang di-bena oleh Jabatan Pos bagi pengenalan jabatan itu.

Menurut Pengiran Jaludin lagi, lambang baru yang mempunyai bentuk sayap dan bulatan itu bererti yang perkhidmatan pos bergerak ka-serata dunia. Sementara panji2 pula sa-bagai lambang Kerajaan Negeri Brunei.

Pihak Jabatan Pos Negeri Brunei telah pun menghantar makloman mengenai dengan penggunaan lambang baru itu kepada Kesatuan Pos Sa-Dunia (Universal Postal Union) yang beribu pejabat di-Switzerland, ujar-nya.



PETI2 surat (gambar atas) dan semua kenderaan jabatan tersebut mempunyai lambang baru.

Derma \$1,220 utk anak2 yatim

KUALA BELAIT. — Tabong anak2 yatim di-Daerah Belait telah menerima sumbangan2 derma berjumlah \$1,220 yang telah di-sampaikan kepada Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Kassim bin Haji Johan di-satu majlis keshukoran yang di-adakan di-Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan di-sini.

Sa-banyak \$300.00 dari derma tersebut ada-lah di-sumbangkan oleh kakitangan Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan dan Pejabat Perchen manakala yang lain-nya ada-lah dari Persatuan Belia MASS.

Majlis keshukoran yang di-adakan ada-lah bagi meraikan dua orang kakitangan pejabat tersebut yang telah terselamat dari satu kemalangan baru2 ini dan juga keshukoran bagi pengeluaran bonus kepada pegawai2 kerajaan.



BRUNEI MULA MENGH



ADUNAN 35 peratus SRG dan 30 peratus P menghasilkan minyak premium yang sa-bagai minyak super shell.

Negara kita, melalui Sharikat Pemasaran Brunei Shell Berhad kini telah buah loji pengadun, (blend) untuk menghasilkan dan set sarkan minyak jenis "super" memenohi kehendak2 negara-gus merobah tradisi lama ukan-nya — tanpa bersandarkan 100 peratus bahan tenaga per Singapura.

Loji pengadun yang ter ini mula menjalankan perkhid 14hb Disember tahun lalu apa mium tempatan ini mula di-minyak yang terdapat di-ke dalam bulan yang sama.

Bahan2 champoran LLG Gasoline) di-perolehi daripada Gas Asli di-Lumut, SRG, (Seri line) daripada Loji Memproses kedua2 ini di-angkut di-dalam telah di-tetapkan ka-Loji Muara.

"Kita, walau bagaimanapun mengimpot Platformate dari satu lagi bahan untuk men kuasa kepada minyak premium duct" dari United Kingdom

LOJI memperoses di-Seria. Di-sini-lah tempat di-mana Sharikat Pemasaran Brunei Shell memperolehi sumber SRG (gambar atas). Gambar bawah pula kelihatan dua orang pekerja meneliti had banyak LLG yang di-keluarkan melalui saloran-nya. Terdapat satu saloran bagi tiap2 bahan SRG, LLG dan Platformate di-loji tersebut. Pekerja2 dapat mengetahui berapa banyak jumlah bahan2 tersebut yang keluar melalui meter yang terdapat pada tiap2 saloran.



LOJI pengadun ia-lah mengadun

LLG dan SRG. Kelihatan pekerja terdapat di-Loji Muara.

Gambar di-kawal pada

Untuk selamat dan bahagia dalam hidup:

BERPEGANG PADA AJARAN ISLAM YANG SA-BENAR



usia, dan menunjukkan pula ringkasan kejahatan2 yang akan mendatangkan kerugian dan kekelakaan.

Dalam mencapai berbagai2 soal dalam kehidupan ini, umat Islam ditunjukkan pula sikap jiwa dan sikap hidup untuk menghadapi-nya. Umpamanya, ketika mendapat nikmat dan keberuntungan manusia itu hendaklah bersukur kepada Allah di atas limpah kurnia nikmat itu, jangan berlaku sombong, bermegah-megah diri dan sa-umpamanya. Ketika ditimpa bencana atau kerugian, hendaklah bersabar dan teguh hati. Dalam menghadapi rintangan dan tentangan, hendaklah jangan berputus asa tetapi hendaklah mempunyai semangat pengharapan atau optimis.

Islam mengajarkan supaya hidup sederhana, jangan berlebih-lebihan dalam segala hal.

Sa-bagaimana di-tunjukkan oleh Tuhan akan peredaran siang dengan malam silah berganti, demikian-lah juga hidup ini berganti-ganti mengalami suka dan duka, menang dan kalah, tertawa dan menangis dan lain2 sa-bagai-nya.

Kemuliaan ajaran Islam menunjukkan pula bagaimana memecahkan dan

menyelesaikan sa-suatu persoalan dan masaalah, dari yang kecil2 sampai yang besar2 dan berat. Sejak dari soal hubungan ibu-bapa dengan anak, hubungan isteri dengan suami, hubungan dengan jiran sa-belah menyebelah rumah, perselisihan yang timbul antara satu kaum dengan kaum yang lain hingga-lah kepada soal2 kenegaraan dan antara negara2.

Kerana berpijak di atas landasan iman dan takwa, persamaan aqidah yang membentok persamaan pandangan hidup, maka pertalian ini sa-makin memudahkan dalam memecahkan persoalan2 yang timbul atau di-hadapi serta menchari penyelesaian-nya sesuai dengan petunjuk Allah yang kira2 bermaksud: "Barang siapa yang takwa kepada Allah, neschaya (Allah) tunjukkan bagi-nya jalan keluar".

Pegangan hidup ini-lah yang telah di-serahkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada kaum muslimin turun-temurun, tatakala Baginda berkhotbah di Padang Arafah waktu melaksanakan ibadah haji Baginda yang terakhir, sabda Baginda yang bermaksud: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, jika kamu berpegang kepada kedua-duanya, kamu tidak sa-kali2 akan tersesat sa-lama2-nya. Pegangan itu ia-lah Kitab Allah yakni Al-Koran dan Sunnah Rasulullah s.a.w."

Demikian-lah dalam khutbah kali ini kita

menghuraikan perkara pertama mengenai penting-nya kita menjadikan Islam sa-bagai pegangan dan chara hidup kita. Barang siapa yang ingin selamat dan bahagia dalam kehidupan ini, baik mengenai urusan2 peribadi mau pun urusan2 kemasyarakatan, kenegaraan dan lain2, jangan-lah menchari pegangan yang lain sa-lain daripada ajaran2 Islam yang benar. Lain2 perkara Insha Allah akan kita huraikan dalam khutbah akan datang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28hb Januari, 1981 hingga ka-hari Selasa 3hb Februari, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
28hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
29hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
30hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
31hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
1hb Feb		12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
2hb Feb		12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
3hb Feb		12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

AMALKAN PERENTAH ALLAH

SATU hakikat yang tidak dapat di-sangkal lagi oleh sa-siapa jua pun akan ketibaan-nya atau kebenaran-nya ia-itu hakikat hidup manusia di alam dunia ini, pasti di-akhiri dengan satu kesudahan ia-itu mati. Dengan kata lain peralehan sa-seorang itu dari alam dunia yang fana ini kaalam akhirat.

Kematian itu ada-lah pengakhiran yang menutup riwayat kehidupan kita, meninggalkan walaupun sa-banyak mana harta atau sa-tinggi mana taraf kedudukan kita atau sa-bijak mana, mau pun sa-jauh mana pengalaman hidup yang sudah di-alami atau sa-banyak mana pahit getir yang di-tempohi, namun bila tiba saja saat yang telah di-tetapkan atau di-janjikan Allah kepada sa-seorang makhluk itu, mau tidak mau, pasti akan berlaku.



Hakikat mati ini ada-lah satu rahsia Allah jua, tidak siapa yang tahu bila diri-nya di-datangi oleh janji Allah ini. Sedangkan kematian itu pasti menamui kita, tidak kira dalam masa sehat, tidak kira dalam masa bersuka ria atau berseorok-seronok, mau pun di-kala susah atau di dalam keadaan sakit atau dalam dukachita, pun jua tidak peduli sama ada kita berada di-laut atau di darat. Pendek kata di mana saja kita berada jika Allah menghendakinya tetap tertunai dan terlaksana.

Sa-tinggi mana jua pun ilmu pengetahuan sa-seorang itu, hakikat mati ini tetap tersembunyi dari di-ketahui oleh-nya, umpamanya bia ia akan mati? Di-mana ia akan menerima kematian? Sa-benar-nya kita manusia tidak mengetahui apa akan terjadi di-hari akan datang. Teganya tidak akan mengetahui apa-kah yang terjadi pada hari esok? Dan tidak sa-orang pun jua yang mengetahui di-mana ia akan mati. Kerana ini urusan Allah sa-mata, sa-laras dengan firman Allah dalam surah Yunus ayat 56 yang bermaksud: "Dia-lah yang menghidupkan dan mematikan, dan hanya kepada-nya-lah kamu di-kembalikan."

Berdasarkan keterangan Allah yang tersebut di-

atas, maka tentang mati tidak siapa yang tahu bila ketibaan-nya kepada diri kita. Oleh itu perlu-lah bagi sa-tiap diri kita sa-bagai orang Islam yang menyedari hakikat ini berhati-hati dan berwaspada, bersedia membekalkan diri masing2 sa-belum kita mati.

Menurut Uagama Islam, hidup sa-seorang itu akan bernilai jika ia beriman, namun demikian keperchayaan dan keimanan saja tidak cukup, dia tidak akan semporna jika tidak memperchayai keesaan Allah dengan sa-chara langsung, melalui amalan ibadah yang khusus, malahan ibadah ini pula kurang semporna-nya kalau tidak di-sertai oleh keikhlasan dan keinsafan serta pengertian yang sa-benar-nya. Jika ini dapat di-laksanakan dengan mendalam bererti perjalanan menuju kematian akan menguasai sa-genap hidup-nya.

Kerana keimanan yang tulin akan membimbing kita mengenal tiap2 yang indah dan baik dan sa-tiap yang buruk dan keji, iman akan memimpin kita ka-arrah hidup mengenal Allah dengan aman damai dan penoh dengan kemanusiaan, agar apa yang kita lakukan ini mendapat ganjaran yang besar dari Allah jua, kerana hidup kita sa-bagai sa-orang manusia ada-lah menchari keredhaan Allah yang agong lagi maha suchi.

Semoga dengan perediaan, dengan keimanan di-samping mengamalkan perintah Allah dengan penoh takwa ini akan menerima ganjaran yang sa-timpal demi menyanggupi titah perintah Allah, di-samping bermohon agar kematian kita nanti dalam kedamaian dan ketenangan serta mendapat keredhaan Allah.

Memelok ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lagi telah memelok Uagama Islam dalam dua majlis pengIslamn yang berasingan di-Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei di-sini.

Dayang Napsiah Anak Julang, 27 tahun, sa-orang wanita Iban yang berasal dari Kampong Kubong, Limbang kini di-kenali sa-bagai Dayang Napsiah bte Abdullah. Sementara Dayang Tay Har

Ping, 18 tahun, sa-orang gadis China yang berasal dari Negeri Selangor, Malaysia kini di-kenali sa-bagai Dayang Rowena bte Abdullah.

Mereka telah melafazkan ikrar Islam-nya di hadapan Yang Dimulia-kan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin, sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Uagama.

Niat yang lurus

Dari muka 2

"Jika kamu menolong Uagama Allah, sudi mengembangkannya, berazam dan berjuang mempertahankannya, maka pasti-lah pula Allah akan menolong kamu serta meneguhkan pendirian2 kamu."

Firman-Nya lagi yang erti-nya: "Jangan-lah kamu menjadi lemah hati, menjadi rendah diri dan jangan pula berdukachita, sedang (sa-benar-nya) kamu ada-lah lebeh tinggi, lebeh mulia, kira-nya kamu benar2 orang yang beriman."

Ini-lah dua ayat yang menjadi penawar dan azimat dalam berjuang, tidak ada obat atau azimat yang lebeh keramat dari itu. Umat Islam pada masa itu ada-lah kecil sahaja, tidak punya apa2, tidak ada pistol, tidak ada bom, peralatan hanya sa-kadar ur'ok mempertahankan diri, sementara kekuatan musuh beratus kali ganda. Bilangan askar amat sedikit. Dalam peperangan Badar,

orang Islam hanya 300, sedang musuh ada 1,000 orang, tetapi peperangan berakhir dengan kemenangan di-pehak Islam.

Apa-kah rahsia-nya ini? Rahsia-nya terkandung dalam dua ayat di atas tadi, pertama: Niat yang lurus dari azam yang kuat mempertahankan hukum2 Allah, dan manakala berhasil ini, pasti pertolongan Allah akan datang, merubahkan lagi tegoh pendirian kita. Kedua: merasa cukup yakin dan tidak ragu2, tidak merasa rendah diri, bahkan berbangga dan megah sa-bagai orang Islam. Merasakan diri umat yang teragong, mulia dan terhormat, yang wajib di-ikut dan bukan mengikut2.

Firman Allah Taala yang bererti: Umat yang bermegah dengan undang2 Allah Taala, umat yang berpuas hati manakala telah dapat memenohi tuntutan2 Allah Taala, umat yang pemalu sangat malu jika terlanjur melanggar hukum2 Allah, tetapi bukan malu kerana mematahi-nya.

DARIHAL MARAH

Siri ke-64

MARAH itu ada kala-nya di-keji dan ada kala-nya pula di-puji. Ada pun marah yang di-keji ia-lah kemarahan orang2 kafir pada mempertahankan perkara2 jahiliah seperti mempertahankan berhala, menyekutukan Allah, membunuh anak hidup2, tawaf bertelanjang, membiarkan binatang hidup melata dengan tiada di-benarkan di-sembeleh atau di-tonggangi, memakan bangkai, meminum arak dan lain2 sa-umpama-nya lagi.

Dan ada orang marah kerana mempertahankan nama, pangkat, kebesaran diri dalam majlis2, bermegah-megah dengan ilmu pengetahuan, bermegah-megah dengan harta. Kemarahan yang sa-demi-kian itu termasuklah dalam jenis marah yang di-keji.

BOLEH DI-BUANG

Marah yang di-keji itu boleh di-buang dengan melateh diri pada meninggalkan perkara yang di-sukai oleh hati kerana perkara2 yang di-marahkan seperti di-atas itu tidaklah mesti ada pada diri, sebab pada hakikat-nya manusia itu tempat-nya di-kubor dan rumah-nya di-

... DAN akibat tiada marah itu menimbulkan kurang perasaan pada menguasai perkara2 yang membawa kepada kehormatan muhrim seperti saudara perempuan dan isteri, dan membawa kehinaan serta rendah diri. Maka semua ini ada-lah di-keji dan di-chela.

akhirat nanti; dan dunia ini sa-kadar tempat berbekal hajat jua.

MARAH YANG DI-PUJI

Ada pun marah yang di-puji ia-lah marah pada perkara yang mesti ada pada diri manusia ia-itu seperti menchari makan, tempat tinggal, pakaian dan kesihatan badan. Maka mesti-lah ada sifat marah pada mendapat perkara2 seperti itu. Dan marah pada perkara ini tiada boleh hilang daripada manusia kerana ia merupakan tabi'at-nya, bahkan pada menggunakan marah pada perenggan atau had yang di-benarkan oleh shara' dan akal ada-lah di-sukai. Tetapi marah yang sa-demi-kian ini boleh dilateh sa-hingga ia jadi sifat sabar yakni menahan marah.

Al-Imam Ash-Shafi'e (radhiallahu 'anhu) me-

ngatakan: "Barangsiapa di-minta marah tetapi dia tiada marah maka dia ia-lah keldai. Dan barangsiapa di-minta redha daripada-nya tetapi dia tiada memberi redha maka dia ia-lah shaitan."

Allah s.w.t. telah menyatakan bahawa Sahabat-sahabat (radhiallahu 'anhum) ada-lah orang2 yang keras dan himyah, ghairah dan chemburu seperti yang pernah di-firmankan-Nya bahawa mereka (Sahabat2) itu merendah diri kepada orang2 mukmin dan memuliakan diri ka-atas orang2 kafir. Dan pada bahagian lain mereka itu di-sebutkan oleh Allah bersikap keras ka-atas orang2 kafir dan

tapi bergaya atau berlagak pada membuat inyaya dan kezaliman dan bermegah-megah ada-lah di-benchi oleh Allah.

Maka chemburu dan bergaya yang di-sukai itu

... Ada pun marah yang di-puji ia-lah marah pada perkara yang mesti ada pada diri manusia ia-itu seperti menchari makan, tempat tinggal, pakaian dan kesihatan badan.

terbit dari sifat marah yang di-sukai juga.

PERKARA BATIL

Ada pun marah yang di-keji itu ia-lah pada perkara batil (yang salah) sa-bagaimana mithal-nya di-sebutkan awal2 tadi. Dan marah pada perkara yang bukan batil ada-lah ia di-puji. Kerana itu-lah Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) tiada marah melainkan pada hak Allah.



SATU majlis sambutan Maulud Nabi Muhamamd s.a.w. anjoran Kampong Pandai Besi "A" telah berlangsung di-Rumah Ketua Kampong tersebut pada malam Jumaat yang lepas.

Majlis pada malam itu telah dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Kor'an oleh Awang bin Jaafar kemudian di-ikuti dengan ucapan alu2an dari Pengerusi Sambutan, Awang Rosli bin Metussin. Ini kemudians-nya di-ikuti dengan ucapan wakil ketua kampong yang disampaikan oleh Awang Mohd Jaafar bin Haji Momin.

Kemunchak dari acara pada malam itu ia-lah sharahan khas yang telah disampaikan oleh Awang Haji Abd Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Lebih daripada 100 orang penduduk kampong telah menghadiri majlis pada malam itu.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

RIWAYAT

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim bahawa sa-orang berkata: "Ya! Rasulallah, bahawa saya akan undor dari sembahyang suboh

rengkaskan sembahyang, kerana di-belakang-nya ada orang tua, budak, dan orang yang mempunyai hajat."

Sayiditina 'Aishah pula mengatakan: "Saya telah tabirkan bilek saya sa-belah hadapan rumah dengan tabir yang tipis yang bergambar-gambar. Baginda Rasulullah baru saja balek dari pelayaran ketika itu dan manakala saja Baginda melihat-nya lalu Baginda rosakkan gambar2 itu dan Baginda kemudian melontarkan-nya. Sabda Baginda (maksud-nya): "Hai 'Aishah! Sajahat2 azab Allah ka-atas manusia pada hari kiamat ia-lah mereka yang menyaingi Allah pada membuat makhluk (yakni membuat gambar makhluk dari benda2 yang bernyawa).

WALLAHU A'ALAM.



SILKAN "SUPER SHELL"

: SHADOON LAMZI

eratus
meng-
kenali

asaran
ai sa-
guna
nema-
bagi
sekal
lapat-
impot
dari

Muara
pada
k pre-
shen2
taerah

Light
echair
Gas-o-
dan
yang
di-

paksa
dan
lagi
pro-
awang

Toh Hock Lin, Ketua Opereshen Sharikat Pemasaran Brunei Shell Berhad ketika ditemui di-pejabat beliau baru2 ini.

Ketika di-tanya mengenai dengan proses adunan ini beliau memberitahu yang loji tersebut di-lengkapkan dengan segala peralatan yang selamat dan betul.

Kesemua bahan champoran ini di-kawal pengeluaran-nya melalui meter2 berasingan untuk memastikan mereka memperoleh had2 yang di-kehendaki sa-belum mengadun untuk menghasilkan minyak premium.

Proses menchampor kesemua bahan2 ini memakan masa sa-lama lima jam. Kerja2 mengadun ini di-buat pada sa-tiap hari Ahad.

"Sa-belum di-pasarkan kepada para pelanggan, chontoh2 minyak premium yang dihasilkan tadi akan kami bawa ka-makmal LNG di-Lumut untuk di-uji dan seterusnya memastikan kualiti-nya yang seharusnya bersesuaian dan baik untuk di-gunakan," tambah Awang Toh.

Sementara itu, Awang Wilbur K. H. Wee, Ketua Bahagian Penjualan sharikat tersebut menjelaskan yang mereka telah menambah sedikit bilangan pekerja bagi mengendalikan tugas2 yang berkenaan di-sharikat tersebut.

"Kami mempunyai sa-bilangan besar kaki-tangan2 yang terdiri dari anak2 tempatan dan ini ada-lah satu dasar yang telah kami praktikkan di-dalam pengambilan pekerja," tambah Awang Wilbur.



DALAM tangki2 besar ini mengandungi segala bahan2 yang di-perlukan untuk mengadun minyak premium (gambar atas).

Tong besar yang di-muat ka-atas trak ini di-gunakan untuk mengisi "lead product" yang di-impot dari United Kingdom (gambar bawah).



plant) di-Muara. Tong2 yang kelihatan dalam atas product".

-angkut dengan tanker ka-Muara. Gambar atas kiri menyalorkan muatan LLG itu ka-dalam tangki yang

lah Pejabat Loji Pengadun di-Muara. Tempat ini untuk memastikan keselamatan-nya.



PASOKAN BOLASEPAK KEBANGSAAN SERI 0-0 DENGAN PASOKAN NEGERI MELAKA

JUMAAT 23hb. Januari, 1981.

Pasokan Bolasepak Kebangsaan Brunei telah seri 0 — 0 dengan Pasokan Bolasepak Negeri Melaka sa-bagai perlawanan permulaan-nya dalam siri perlawanan bolasepak

MASHUARAT LATEHAN JASMANI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran akan mengadakan satu mashuarat bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di sini pada hari Jumaat, 30hb Januari 1981, jam 2.00 petang.

Ajenda bagi mashuarat tersebut ia-lah untuk membincangkan projek2 sokan dan olah raga Sekolah2 Menengah Atas dan Maktab2 seluruh negeri bagi tahun 1981.

Sa-banyak 35 buah Sekolah2 Menengah Atas dan Maktab2 dari seluruh negeri di-jangka akan diwakili di-mashuarat tersebut.

Perlawanan Ping Pong PAPP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda Kampong Sultan Lama akan menganjorkan perlawanan ping pong yang terbuka kepada persatuan2 belia, pejabat2, sekolah2, kampong2, firma2 dan kumpolan2 khas bagi lelaki di-daerah Brunei Muara.

Perlawanan tersebut di-jangka akan di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu SMJA di-sini.

Perlawanan tersebut akan di-jalankan sa-chara pusingan dan sa-tiap pasokan hanya mengandungi empat orang pemain ia-itu dua bagi bahagian perseorangan dan dua pemain untuk satu perlawanan bergu.

Keterangan lanjut dan borang2 penyertaan bagi perlawanan tersebut sekarang boleh di-perolehi dari Chegu Zainal Hussin di-Sekolah Menengah SMJA, Awang Damit Haji Abdul Rahman di-Cargo Dept, RBA dan Awang Suhaili Sani di-Pejabat Letrik di-sini.

Tarikh tutup penyertaan ia-lah pada 14hb. Februari depan.

Piala Malaysia yang telah berlangsung di-Stadium Kubu malam tadi.

Kesebelasan pemain Bolasepak Kebangsaan Brunei yang di-sertai oleh lapan orang pemain simpanan dan di-ketuai oleh Pengurus Pasokan, Awg. Haji Mohammad Yusof bin Bakar bersama 3 orang pegawai telah bertolak ka-Malaysia minggu lalu bagi perlawanan tersebut.

Ada-lah di-fahamkan yang pasokan Brunei akan menentang pasokan negeri Johor pada 25hb. Januari bertempat di-Stadium Larkin, Johor Baharu.

Perlawanan kali ini ada-lah merupakan buat kali ketiganya Pasokan Kebangsaan Brunei mengambil bahagian.

Terdapat 17 buah negeri2 Malaysia yang termasuk Sabah, Sarawak dan Sirigapura menyertai perlawanan tersebut.

Tahun lalu ia-nya telah dimenangi oleh Selangor, Brunei hanya berjaya menduduki tempat ka-13.

Ada-lah di-fahamkan yang pada tahun ini Pasokan Kebangsaan Brunei akan bermain sa-banyak lapan kali di luar negeri dan lapan kali lagi di-tempat sendiri.

Perlawanan pertama Brunei di-tempat sendiri ia-lah menentang Pasokan Negeri Pulau Pinang pada 30hb Januari ini bertempat di-Padang Kelab Ria Kuala Belait (KBRC).

Pemain2 Pasokan Kebangsaan Brunei yang menyertai perlawanan kali ini ada-lah di-bawah latehan Jurulatih Kebangsaan Brunei, Awang Malcolm McDowell.

Chator gerak cepat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Kebangsaan Negeri Brunei akan mengadakan satu pertandingan chator gerak cepat (Lightning Chess) bertempat di-Pusat Belia di-sini pada 5hb Februari depan.

Peserta2 yang ingin menyertai perlawanan tersebut borang2 penyertaan dan keterangan lanjut sekarang boleh di-dapati dari Awang Asnawi bin Haji Halim di-Yunit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan Awang Mohammad bin Haji Wasli di-Pejabat Imigresen di-Bandar Seri Begawan.

Di-samping itu ada-lah juga di-fahamkan yang persatuan tersebut akan menghantar enam orang pemain yang akan diiringi oleh tiga orang pegawai ka-Hong Kong untuk mengambil bahagian dalam perlawanan Chator Kota2 Asia yang akan bermula pada 21hb Februari depan.



PASOKAN pemain bolasepak Kebangsaan Brunei bergambar bersama Naib Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Amatir Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid sa-jurus sa-belum mereka bertolak.

MASHUARAT PERSATUAN LUMBA BASIKAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amatir Negeri Brunei sa-kali lagi akan mengadakan mashuarat-nya bertempat di-Pusat Belia di-sini pada hari Jumaat, 30hb Januari ini, jam 2.00 petang.

Mashuarat tersebut ada-

lah merupakan lanjutan dari mashuarat yang lalu yang bertujuan untuk membincangkan perkara2 yang berkaitan dengan acara perlumbaan trek yang akan di-anjorkan oleh persatuan tersebut.

Di-samping itu ia-nya juga akan membincang-

kan pemilehan bagi perlumba2 tempatan yang akan mewakili negeri ini ka-Perlumbaan menjelajah Malaysia yang akan di-adakan dalam bulan Mach depan.

Perlumbaan Menjelajah Malaysia yang di-anjorkan oleh Persatuan Lum-

ba Basikal Selangor, ada-lah merupakan perlumbaan yang julong2 kali-nya di-adakan. Perlumbaan ada-lah terbuka kepada mana2 negeri yang berminat untuk menyertainya.

Setakat ini ada-lah di-fahamkan yang tiga buah negeri barat seperti France, German barat dan Norway akan menyertai perlumbaan tersebut.

Dengan ada-nya penyer-taan dari perlumba2 yang memang terkenal khas-nya yang datang dari barat pehak penganjur berharap akan dapat meningkatkan kebolehan perlumba2 mereka yang mereka har- ap akan dapat mencapai kejayaan yang chemerlang di-perlumbaan yang akan datang di-Bangkok.

Bagi ahli2 Persatuan Lumba Basikal Amatir Negeri Brunei ia-nya nanti ada-lah merupakan satu peluang yang baik untuk terus mencheborkan diri di-mana2 perlumbaan di-samping terus menchari kesempatan untuk belajar sa-chara tidak langsung kepada perlumba2 yang memang mahir.

Ujian daya jasmani chapai kejayaan yang memuaskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikutan dengan surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil: 164/1980 di-mana ujian daya jasmani mula di-praktikkan bagi sekolah2 persediaan Inggeris, sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluruh negeri, samai 10,361 penuntut telah pun menjalani latehan jasmani.

Jumlah tersebut telah di-laporkan oleh Bahagian Latehan Jasmani, bahagian mana yang telah bertanggung-jawab bagi mengendalikan ujian tersebut.

Menurut laporan itu

lagi jumlah tersebut ada-lah merupakan bilangan penuntut2 yang di-pileh dari sa-banyak 58 buah sekolah dan maktab2 dari seluruh negeri.

Usaha Jabatan Pelajaran untuk menganjorkan latehan jasmani yang hanya bermula pada awal tahun 1980 itu ada-lah chadangan yang telah di-buat oleh dua orang Pegawai Pelajaran ia-itu Awang Suhaili Lani dan Awang Tuah Nordin yang sa-belum itu telah menghadiri satu seminar Ujian Daya Jasmani yang telah berlangsung di-Singapura pada bulan Julai tahun

1979.

Antara tujuan mengadakan latehan daya jasmani ada-lah untuk mencapai taraf kesihatan dan daya jasmani yang di-asaskan bukan hanya kepada golongan masharakat tertentu sahaja.

Oleh itu ia-nya ada-lah merupakan satu chara untuk memenohi negeri dari segi pembenaan raayat yang subur, bertenaga dan dinamis.

Kejayaan yang telah di-chapai sa-jauh ini ada-lah merupakan satu pencapaian yang boleh di-banggakan.



Antisari RTTB Minggu ini

Radio



ambil bahagian dalam Ranchangan Taman Mekar. g di-sampaikan oleh Abang Mohd Sah Haji Salleh at adek2 ikuti pada tiap2 hari Ahad jam 9.00

PESERTA2 MUTIKA '81 PERENGKAT SUKU AKHIR SIRI KE-EMPAT

PERTANDINGAN 'MUTIKA 1981' perengkat suku akhir ranchangan ke-empat akan di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Ahad 1hb Februari, 1981 jam 2.00 petang. Peserta2 yang bertanding dalam ke-luaran minggu ini ia-lah :



Morni Latiff
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Potret Seni'.



Noorazizah Md Salleh
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Bunga Tanjung'.



Ak Ramlee Pg Haji Seruddin
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Mimpi Sedeh'.



Abd Ghani Haji Md Noor
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Potret Seni'.



Siti Junaidah Metussin
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Aku Rela'.



Abd Basir Haji Hancefa
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Sa-Tulus Chinta'.



Suaidy Trokie
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Chinta'.



Sarimah Abdul Wahab
Peserta Daerah Brunei-Muara
Lagu: 'Aku Dan Dia'.

untuk kanak-kanak superman'



abar (kiri) dan menjadi "superman" dalam siri SUPERMAN yang tang. Siri baru untuk kanak2 ini menggantikan ranchangan CAP- CAVEMAN.



Battle of Words

RADIO Brunei's English Service has started recording the second round of the Battle of Words. The first broadcast was heard at 11.00 am last Sunday. It was a very keenly fought battle between St George's School, Bandar Seri Begawan and St Angela's Convent School, Seria, in the upper secondary section, which was eventually won by St George's.

This Sunday's battle is between SOAS College and St Andrew's School both of Bandar Seri Begawan in the lower secondary section.

So don't forget to join us this Sunday 1st February, 1981, at the usual time of 11.00 am for the Battle of Words. And if you can't make it at 11.00, the programme will be repeated that same evening at 8.00.

PICTURES show the two teams hard at it. SOAS College (above) is being represented by (left to right) Awg Aminul Zahrin bin Haji Abd Aziz, Ak Bob Keneddy bin Pg Mohd Yunus and Johan Suhaimi while St Andrew's (below) is being represented by (left to right) Jennifer Chin, Ong Yee Cheng and Cheong Huat Wan.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Lagu dan senikata; 9.30—Permintaan pagi Rabu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph pendengar; 1.00—Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). **T/HARI:** 12.00—Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi harapan; 1.30—Hiboran menjelang rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Pilihan irama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Serbanika hiboran (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Untuk belia; 9.00—Permintaan sukaramai; 9.30—Apa pilihan awda; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Dendang antarabangsa; 9.30—Rampai sari hiboran (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London (su); 10.30—Permintaan sukaramai; 11.30—Ruangan ketani (su). **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Melayu asli—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitra wara (su); 1.30—Hiboran menjelang rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Lagu2 nasehat; 6.00—Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Bachaaan surah yassin-Talil/Irama dakwah; 7.30—Bimbingan Al-Kor'an—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara radio (su); 9.00—Tafsir Al-Kor'an; 9.30—Hidayat; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Sahara binte Shari, Tutong (gambar atas) akan di-beri peluang untuk memilih lagu2 dalam ruangan "Apa Pilihan Awda" minggu ini.

Dalam ranchangan sa-tengah jam yang ka-udara melalui Radio Brunei pada malam ini 28hb Januari, jam 9.30 malam, Dayang Sahara akan memilih tujuh buah lagu2 kegemarannya untuk hiboran peminat2 ranchangan ini.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 6.45—Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Pertanian; 9.00—Pelajaran dewasa di-udara; 9.30—Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30—Dari kampung ka-kampung; 11.00—Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an; 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Cherpen dan selokan-nya; 7.30—Majallah Radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (su); 9.00—Mutika/petikan dari film (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 7.30—Pada hemat saya—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Soalan di-udara; 9.15—Dendang antarabangsa; 9.30—Tetamu minggu ini (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Varia peristawa (su); 10.30—Serbanika hiboran (su); 11.00—Focus radio (su); 11.30—Apa pendapat awda/hiboran. **T/HARI:** Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitra Irama; 1.30—Lagu dan senikata. **PETANG:** 2.00—Permintaan hujung minggu; 3.00—Tanda

Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran pilihan; 3.30—Cherpen dan selokan-nya—Azan fardhu asar; 4.00—Mutiaira asli; 4.30—Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00—Irama gembira; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 lama; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Mutiaira gambus (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00—Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30—Titian budaya (su); 9.45—Irama keronchong; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 8.30—Majallah Radio (SU); 9.00—Taman mekar; 9.30—Dunia Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Doctor Radio; 10.30—Pop minggu ini; 11.00—Titian budaya; 11.30—Pancharagam tempatan. **T/HARI:** 12.00—Sandiwara Radio—Azan fardhu dzohor; 12.30—Rampai tengah hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan dua station. **PETANG:** 2.00—Membachakan susunan ranchangan; 2.02—Mutika/Petikan dari film; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olabraga; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Pilihan juruhebah; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 gazal; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Gurindam lagu; 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Suara perajuri; 9.30—Permintaan lagu2 60an; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan

Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Rampai sari hiboran; 9.30—Dendang antarabangsa; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang dengan ku; 10.30—Sain dan perusahaan; 11.00—Album penyanyi; 11.30—Bingkisan tanah ayer. **T/HARI:** 12.00—Komintang radio; 12.15—Lagu2 rampaian—Azan fardhu dzohor; 12.30—Rampai joget; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan sukaramai. **PETANG:** Siaran berhenti rehat. 5.00—Hiboran pilihan; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Penyanyi harapan; 7.30—Funas pendidek—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Chitra irama (su); 9.00—Pertanian; 9.30—Mutiaira asli (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Mem-
bachakan susunan ranchangan,

dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Suara parajurit (su); 9.30—Permintaan kaum wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London; 10.30—Autograph pendengar (su); 11.00—Dunia wanita (su); 11.30—Hiboran untuk suri2 rumah tangga; 11.45—Doctor Radio (su). **T/HARI:** 12.00—Hiboran tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tetamu minggu ini; 1.30—Ku san paikan salam. **PETANG:** 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Lagu2 nasehat; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama senja; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM:** 7.00—Album penyanyi (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Pancharagam tempatan; 9.00—Keluaga jaya (su); 9.30—Permintaan sukaramai; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 suci Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

MONDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—English Examined; Prog. 35; 11.15—Hello Tomorrow; 11.30—Music-Go-Round. **PM:** 12.30—News; 12.45—Science Potpourri produced by Ja'afar Yaakub; 1.15—Brunei Tourists In London; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—With Great Pleasure—"Dame Edith Evans"; 8.30—Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15—News; 9.30—The World of Books; 10.00—Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—BBC Sports Magazine; 11.15—Housewives Special. **NOON:** 12.00—Steppe and Sons. **PM:** 12.30—News; 12.45—Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00—A Hundred Years of Dance Music; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Stereo Pop Special "Steve Hackoff"; Side 1; 8.30—Friday Voices (repeat); 9.00—English Examined; Prog. 35 (repeat); 9.15—News; 9.30—Belait At One (repeat); 10.00—Close Down.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—English Examined; Prog. 34; 11.15—Lunch Music. **NOON:** 12.00—Melody Time. **PM:** 12.30—News; 12.45—International Money Programme; 1.00—The Big Band Sounds; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—English Examined Prog. 34 (repeat); 8.15—Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45—Dateline; 9.15—News; 9.30—The Pleasure of Your Company presented by Dorn Williams produced by Viviyanti Ali; 10.00—Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Thursday's Bandwagon—where we invite you to hop aboard our non-stop musical express. **NOON:** 12.00—My Music. **PM:** 12.30—News; 12.45—Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00—Manga Santamaria's Greatest Hits; 1.15—Radio Doctor by Idris Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement Sixty-Minute Theatre: "The Long, The Short and The Tall by Willis Hall; 9.00—Invitation to Love—Ronnie Aldrich and his two Pianos; 9.15—News; 9.30—The Pasadena Roof Orchestra in Concert at the Queen Elizabeth Hall—Side 2 of 2; 10.00—Close Down.

FRIDAY

